

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI  
[TUMPAT]**

**SOALAN**

**YB DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI [TUMPAT] minta  
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA menyatakan tumpuan  
perancangan pemulihan jangka masa panjang terhadap sektor  
pelancongan berdasarkan Pelan Pemulihan Pelancongan.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah merangka Dasar Pelancongan Negara (DPN) 2020-2030 sebagai hala tuju industri pelancongan yang mengandungi strategi-strategi utama bagi mengembalikan daya saing industri ini di peringkat dunia. Dasar ini memberi fokus kepada usaha-usaha meningkatkan pendapatan negara, menggalakkan kerjasama dan pelaburan, memperkasa masyarakat setempat serta mengukuhkan daya tahan dan kemampanan industri pelancongan negara.

2. Berikutan penularan COVID-19 yang telah teruk menjejaskan industri pelancongan negara, MOTAC telah merangka strategi jangka pendek iaitu Pelan Pemulihan Pelancongan (PPP) dengan berpandukan DPN 2020-2030 dalam membolehkan dan membantu industri pelancongan tanah air untuk bangkit semula. Ini dilaksanakan menerusi usaha-usaha untuk mengembalikan keyakinan pelancong terutamanya terhadap tahap keselamatan di sesuatu destinasi pelancongan, selain memastikan sektor pelancongan negara mampu menjana pendapatan secara berterusan kepada negara melalui pembukaan semula sektor ini secara berfasa.

3. PPP ini memberi tumpuan kepada pelbagai strategi seperti:

- (i) Merancakkan semula pelancongan domestik;
- (ii) Mengembalikan keyakinan awam untuk melancong sambil menyesuaikan diri dengan norma baharu. Antara inisiatif yang dilaksanakan dalam mempromosikan Malaysia sebagai destinasi yang selamat, bersih dan sihat adalah melalui Program Mysafe Langkawi dan Pensijilan *Travel Safe Alliance* (TSA);

- (iii) Meningkatkan kemahiran penggiat industri menerusi program pemahiran semula atau “*reskilling and upskilling*” yang berterusan demi meningkatkan kapasiti dan kredibiliti profesion pelancongan dalam norma baharu. Antara kursus yang diadakan adalah Kursus Mesra Malaysia kepada pengusaha inap desa dan pekerja barisan hadapan sektor pelancongan, Kursus Pemasaran Digital, Kursus Keselamatan Pelancong, Kursus Pembuatan Kraftangan dan Kursus Pembangunan Pakej Homestay;
- (iv) Memperkukuhkan kerjasama awam-swasta terutama dalam mencipta semula produk pelancongan, seni dan budaya agar lebih menarik dan inovatif; dan
- (v) Meneroka potensi pelaksanaan gelembung pelancongan domestik dan antarabangsa untuk memulakan semula aktiviti pelancongan negara.

4. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kejayaan Kerajaan melaksanakan Projek Rintis Gelembung Pelancongan Domestik di Pulau Langkawi bermula 16 September 2021 telah menjadi penanda aras dan seterusnya mendorong keputusan Kerajaan untuk membenarkan pembukaan semula aktiviti pelancongan rentas negeri bermula 11 Oktober 2021. Kegiatan aktiviti pelancongan yang kembali aktif telah memberi impak positif bukan sahaja kepada entiti perniagaan pelancongan semata-mata, malah limpahan ekonomi hasil daripada aktiviti ini turut membawa perkembangan yang baik kepada masyarakat setempat.

5. Kerajaan seterusnya telah melaksanakan Projek Rintis Gelembung Pelancongan Antarabangsa Langkawi bermula 15 November 2021. Ia akan menjadi kayu pengukur kepada pembukaan lebih banyak Gelembung Perjalanan Antarabangsa ke destinasi-destinasi pelancongan lain dalam negara yang berpotensi berdasarkan penilaian sewajarnya oleh Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan.

## NO. SOALAN : 98

6. Secara ringkasnya, pemulihan jangka masa panjang adalah tertumpu kepada pelancongan lestari dan peningkatan pendapatan pelancongan. Tumpuan juga diberikan kepada menarik kehadiran *high yield tourist* yang berbelanja tinggi berbanding kepada kuantiti semata-mata.

7. Pada masa yang sama, komitmen terhadap pelancongan yang lestari dan bertanggungjawab akan mengukuhkan peranan pelancongan sebagai pemangkin perlindungan alam sekitar, pemeliharaan dan pemuliharaan budaya dan warisan tempatan, serta memastikan penjana pendapatan daripada sektor pelancongan tersebar luas sehingga menjangkau masyarakat terpencil yang mampu menawarkan keunikan pengalaman kepada pelancong. Ciri-ciri ini berupaya menjadikan Malaysia sebagai destinasi ekopelancongan pilihan dunia, seiring dengan hasrat Kementerian ini. Usaha ini juga adalah selaras dengan komitmen Malaysia terhadap Agenda 2030 dan 17 Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals*) di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations*).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
DARIPADA : YB DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN  
MAT NAWI [TUMPAT]**

**SOALAN**

**DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI [TUMPAT]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan aspek-aspek baru yang akan diketengahkan dalam dasar Job Creation Strategic Plan 2021-2023 serta sasaran Kementerian dalam mengurangkan pengangguran pasca pandemik.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha memperkasakan tenaga kerja di Malaysia, Kerajaan telah memperkenalkan Pelan Strategik Penciptaan Pekerjaan Nasional (NJCSP) dalam mewujudkan tenaga kerja yang lebih berdaya tahan, berkemahiran tinggi dan diiktiraf di peringkat antarabangsa. Pada peringkat permulaan, 5 pasukan petugas khas (*'specialised taskforce'*) di bawah Majlis Pekerjaan Negara (NEC) dipertanggungjawabkan untuk menyelaraskan serta melaksanakan inisiatif-inisiatif di bawah NJCSP yang telah melalui libat urus dan penglibatan lebih daripada 103 wakil sektor awam dan swasta.

Inisiatif-inisiatif yang telah dikenal pasti bertujuan untuk memenuhi keperluan pasaran semasa tenaga kerja serta beberapa inisiatif yang merupakan penambahbaikan kepada program sedia ada. Terdapat juga beberapa inisiatif baharu yang unik telah dikenal pasti dapat memberi impak yang tinggi kepada pasaran pekerjaan.

Antara perkara utama yang disarankan NJCSP adalah bagi memastikan kesinambungan pelajar lepasan TVET untuk terus kekal kompetitif dan relevan dengan industri yang sentiasa berubah serta dapat memberi nilai tambah kepada pelajar lepasan TVET melalui usaha sama dengan akademia dan industri. Selain itu, dasar kurikulum TVET perlu dikaji semula secara tahunan serta menyelaraskan perubahan yang berkaitan dengan kurikulum mengikut arus masa. Ini membolehkan pelajar lepasan TVET untuk lebih berdaya saing dalam pasaran kerja yang kian mencabar serta melangkaui arus semasa.

NJCSP turut menyarankan pemerksaan dan pemupukan budaya keusahawanan semua lapisan masyarakat dengan memperkenalkan modul keusahawanan di sekolah dan institut pengajian serta memberi latihan khusus kepada usahawan sedia ada. Sehubungan itu, NJCSP turut menyarankan beberapa inisiatif yang bertujuan untuk membantu Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (MSME) bagi memiliki kemahiran dan peralatan yang sesuai serta dapat memangkin pembangunan perusahaan mereka.

Kerajaan sedar bahawa pasaran buruh tempatan adalah bersifat dinamik dan berkait rapat dengan perkembangan dan kemajuan teknologi semasa. Oleh itu, pelan ini turut mencadangkan kecerdasan buatan (*artificial intelligence*) dalam menganalisa data untuk memadankan pencari kerja dan majikan. Ini akan mengurangkan *job mismatch* dan secara tidak langsung memendekkan tempoh mencari kerja yang mana dapat menyumbang kepada penurunan kadar pengangguran. Selain itu, inisiatif baharu juga ditumpukan untuk meningkatkan pelaburan langsung asing atau *foreign direct investment* dengan menarik pelabur luar untuk bertapak di negara dan membuka peluang pekerjaan dalam sektor semikonduktor, bidang 5G dan e-sukan.

Kerajaan yakin bahawa NJCSP akan membantu penciptaan lebih banyak pekerjaan serta membaik pulih platform dan infrastruktur sedia ada dalam usaha untuk mengurangkan kadar pengangguran pasca pandemik. Pelan ini adalah untuk memastikan bahawa tenaga kerja terus memenuhi permintaan industri dengan penciptaan pekerjaan yang bersesuaian.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI  
[ TUMPAT ]**

**SOALAN**

**DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI [ TUMPAT ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pelan tindakan yang dilaksanakan bagi memastikan alat *test* sendiri COVID-19 yang dijual di pasaran menepati piawaian Kementerian.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Mengambil kira kepentingan kesihatan dan keselamatan awam, Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) sedar tentang keperluan penggunaan kit ujian sendiri COVID-19 oleh orang awam dalam membantu memudahkan proses pengesanan dan pengawalan jangkitan COVID-19 sekaligus membantu mengurangkan bebanan petugas kesihatan. Penggunaan kit ujian ini tidak menggantikan fungsi diagnostik *Reverse transcription polymerase chain reaction* (RT-PCR) tetapi boleh digunakan oleh orang awam untuk menjalankan saringan sendiri bagi mendapat keputusan mengenai status jangkitan COVID-19 mereka dengan cepat dan mudah sebelum tindakan selanjutnya diambil.

2. MDA telah bersetuju memberi Kelulusan Bersyarat (*Conditional Approval*) pada 14 Julai 2021 dan dalam memberi Kelulusan Bersyarat kit ujian sendiri COVID-19 akan melalui proses penilaian berikut:

- i. Semakan bahawa establismen yang hendak mengimport dan mengedarkan kit ujian sendiri COVID-19 mempunyai lesen di



bawah Akta 737. Perkara ini untuk memastikan bahawa establismen tersebut telah mendapat pensijilan sistem pengurusan kualiti *Good Distribution Practice for Medical Device (GDPMD)* atau *ISO13485: Medical device - Quality management system - Requirements for regulatory purposes* yang menetapkan piawaian bagi pengurusan kit ujian dalam pasaran. Establismen juga perlu membuktikan ia telah dilantik oleh pengilang untuk tujuan *traceability*, terutamanya apabila terdapat masalah berkaitan kit ujian dalam pasaran, dan untuk tujuan penentuan hak pendedaran;

- ii. Penilaian teknikal berdasarkan dokumen yang diterima merangkumi aspek-aspek teknologi, rekabentuk dan spesifikasi, kegunaan, arahan penggunaan, ujian pengesahan dan data klinikal yang dibekalkan pengilang. Penilaian teknikal ini dibuat oleh Jawatankuasa Penilaian Akses Khas Kit Ujian COVID-19 (JPAKC) yang dianggotai pegawai-pegawai berkepakaran dari Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) dan Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK);
- iii. Ujian pengesahan prestasi bagi *specificity* dan *sensitivity* di makmal pengujian yang mempunyai akreditasi ISO 17025 seperti di IMR, MKAK dan beberapa hospital terpilih yang mana data *specificity* harus mencapai 100% dan *sensitivity* pula adalah sekurang-kurangnya 90%.
- iv. JPAKC mengeluarkan syor "*recommended for use*" setelah kit ujian melepasi semua penilaian di atas dan berdasarkan syor JPAKC, MDA mengeluarkan Kelulusan Bersyarat bagi pengimportan dan pendedaran kit ujian sendiri COVID-19 untuk digunakan dalam pengesanan COVID-19. MDA turut meletakkan syarat-syarat yang perlu dipatuhi, seperti tidak dibenarkan mengiklankan kit ujian kepada orang awam serta penyelenggaraan maklumat dan rekod pendedaran.

3. Untuk memastikan keselamatan dan prestasi kit ujian sendiri yang berada dalam pasaran, establismen dikehendaki melaksanakan sistem pemantauan dan pengawasan pasca-pasaran. Jika terdapat aduan mengenai masalah, establismen dikehendaki mengendali dan membuat siasatan ke atas aduan tersebut serta mengambil tindakan pembetulan, di mana dalam kes-kes tertentu establismen perlu membuat panggilan balik (recall) ke atas kit ujian yang bermasalah dan dikehendaki melaporkannya kepada MDA.

4. MDA akan melaksanakan mekanisma kawalan berdasarkan kerangka dan kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta 737. Ia merangkumi penilaian awal berkaitan keselamatan dan prestasi kit ujian sendiri COVID-19 sebelum ia diimport dan diedarkan, meletakkan syarat-syarat tertentu yang perlu dipatuhi oleh establismen yang mengimport dan mengedarkan kit ujian ini, dan menghendaki mereka melaksanakan aktiviti pemantauan dan pengawasan pasca-pasaran setelah sesuatu kit ujian berada dalam pasaran.

5. PBPP juga bekerjasama aktif dengan agensi penguatkuasa lain seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bagi memantau kehadiran kit ujian sendiri Covid-19 palsu di pasaran.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN (BERTULIS)  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)**

**DARIPADA : YB DATO' HJ CHE ABDULLAH B. MAT NAWI  
(TUMPAT)**

**SOALAN**

**DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI [ TUMPAT ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah strategik Kementerian bagi mengatasi peningkatan jenayah komersial atas talian yang semakin meruncing.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) memandang serius berhubung kes-kes yang melibatkan jenayah penipuan atas talian.

Pelbagai usaha telah dijalankan oleh PDRM untuk mengekang sindiket penipuan seperti ini termasuklah dengan meningkatkan penguatkuasaan undang-undang, pengoperasian, tangkapan dan seterusnya menjalankan pendakwaan ke atas mereka yang terlibat dalam penipuan. Pada tahun 2020, seramai 8,397 tangkapan telah dibuat dan sebanyak 5,772 pertuduhan telah pun dilaksanakan. Bagi tempoh Januari hingga 10 Oktober 2021 pula, tangkapan sebanyak 7,401 orang dan 4,319 pertuduhan telah dijalankan di mahkamah.

Di antara langkah-langkah lain yang telah diambil dan dirancang oleh pihak polis termasuklah:

1. Menjalankan ceramah, taklimat dan sesi dialog kepada kakitangan kerajaan, syarikat swasta dan NGO-NGO secara berkala. Sesi ini turut dijalankan secara atas talian melalui medium facebook, televisyen dan radio.
2. Bekerjasama dengan pihak Suruhanjaya Komunikasi Multimedia (SKMM) untuk menurunkan iklan-iklan haram berkaitan penipuan atas talian ini;

3. Mewujudkan platform akaun Facebook "*Cyber Crime Alert Royal Malaysia Police*" untuk memberikan pendedahan kepada masyarakat mengenai skim pelaburan tidak wujud ini. Satu portal juga telah dibangunkan oleh PDRM bagi memudahkan orang awam untuk membuat semakan nombor telefon sindiket ataupun akaun-akaun bank yang digunakan oleh sindiket dalam urusan penipuan. Portal tersebut boleh dicapai melalui pautan <http://ccid.rmp.gov.my/semakmule> dan ianya boleh dimuatnaik dengan menggunakan telefon mudah alih;
  
4. Mewujudkan *CCID Scam Respond Center* di talian 0326101559 atau 0326101599 di mana orang ramai boleh membuat panggilan untuk mendapatkan maklumat dan menyemak kesahihan panggilan bagi sebarang transaksi yang meragukan. Talian ini beroperasi dari jam 09.00 pagi hingga 10.00 malam pada setiap hari; dan
  
5. Mengambil tindakan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001(AMLATFPUAA) bagi tujuan pembekuan dan pelucuthakan wang dari akaun sindiket juga diambil oleh pihak PDRM. Bagi mana-mana suspek yang tidak cukup keterangan untuk dituduh di mahkamah, mereka akan dikenakan tindakan dibawah undang-undang pencegahan seperti Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA).